

TARIKH : 15 FEBRUARI 2023  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 5

## Pertumbuhan ekonomi masih membimbangkan – Johari



JOHARI Ghani semasa perbahasan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Ke-15 di Bangunan Parlimen, semalam. - JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

# Pertumbuhan ekonomi masih membimbangkan – Johari

**KUALA LUMPUR:** Meskipun berlaku perkembangan positif dalam ekonomi negara, ia masih berada pada tahap yang membimbangkan.

Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Ghani berkata, ini kerana ekonomi Malaysia yang dilihat terus berkembang selepas pandemik Covid-19 masih jauh ketinggalan berbanding negara jiran yang dapat memulihkan ekonomi mereka jauh lebih baik.

“Pada 2017 kita berkembang 4.8 peratus, pada 2018 dan 2019 4.4 peratus, secara peratusan ketiga-tiga tahun ini, negara kita berkembang sebanyak 5 peratus. Apabila kita berdepan pandemik Covid-19, kita lihat

ekonomi kita menguncup iaitu pada tahun 2020, -5.5, pada 2021 kita hanya pulih 3.1 peratus.

“Dalam erti kata perkembangannya, kita masih tahap negatif kerana 5.5 peratus pada 2020, 2021 kita berkembang 3.1 peratus, maknanya kita masih dalam lingkungan negatif,” ujarnya yang juga Ketua *Backbenchers*.

Namun katanya ketika membahaskan titah Yang di-Pertuan Agong di Dewan Rakyat semalam, tahun lalu pertumbuhan ekonomi negara meningkat kepada 7.8 peratus.

Beliau yang juga bekas Menteri Kewangan II berkata, berbanding pencapaian negara jiran, Singapura ketika pandemik mengalami pertumbuhan 4.1 peratus,

2021 berkembang 7.6 peratus manakala Indonesia pada pandemik 2020 menguncup 2.1 peratus, tetapi 2021 pulih.

Tambah Johari, trend itu juga membimbangkan apabila Bank Dunia meramalkan ekonomi Malaysia hanya akan tumbuh 4 peratus tahun ini dan 3.9 peratus tahun depan iaitu masih lebih rendah berbanding purata 5 peratus setiap tahun sebelum wabak melanda.

Sebaliknya, Bank Dunia meramalkan pertumbuhan Indonesia, Filipina, dan Vietnam lebih tinggi, iaitu antara 4.8 peratus hingga 6.5 peratus.

“Inilah angka-angka yang sepatutnya menjadi kebimbangan kita sebagai kerajaan untuk melihat bagaimana kita boleh

terbalikkan trend ini,” ujarnya.

Johari berkata, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia meramalkan pertumbuhan ekonomi sejagat akan terus perlahan dan perkembangan itu akan memberi kesan kepada dua rakan dagang utama Malaysia iaitu Korea Selatan dan Jepun.

Beliau berkata, ekonomi Korea Selatan dan Jepun dijangka menguncup, sekali gus akan memberi kesan kepada Malaysia.

“Pertumbuhan KDNK yang lebih perlahan bermakna aktiviti ekonomi yang juga lebih perlahan, penciptaan pekerjaan yang berkurangan dan pendapatan isi rumah yang tidak dapat menampung kos sara hidup rakyat,” katanya.